

PENGAMBILAN BEKERJA ORANG-ORANG MELAYU  
(EMPLOYMENT OF MALAYS)  
KAJIAN DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU  
1900an-1950an

Oleh

FAUZIAH ROHANI

Latihan Ilmiah untuk melengkapkan tugas dan memenuhi  
syarat perlu untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda  
Sastera dengan Kepujian dalam bidang Sejarah

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
PULAU PINANG

1982

PENGHARGAAN

BISMILLAH HIR RAHMAN NIR RAHIM

Melalalui ruangan ini, saya ingin merakamkan berbilang-banyak terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat dalam membantu saya menyempurnakan Latihan Ilmiah ini, terutama kepada penyelia saya Dr. Jan Wisseman juga Dr. Paul Kratoska yang telah memberikan nasihat dan panduan uantuk menyipkan Latihan Ilmiah ini.

Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Arkib Negara Kuala Lumpur, Arkib Cawangan Negeri Johor , Perpustakaan Universiti Sains Malaysia juga Perpustakaan Sultan Ismail Johor Bahru yang telah memberikan kemudahan dan kebenaran kepada penulis menggunakan segala bahan yang ada.

Akhir kata terima kasih kepada kedua ibubapa yang sentiasa mendoakan dan menggalakkan saya dalam menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Kepada mereka yang membantu dan memberikan kerjasama saya tetap mengenang jasa baik mereka. Juga kepada Pn. Noraini bt. Tahir yang sudi menaip Latihan Ilmiah ini. Moga Allah memberkati mereka. Amin.

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia,  
Minden, Pulau Pinang.

Fauziah Rohani  
(5245)

Februari 1982.

SINOPSIS

Tesis ini ditulis dengan tujuan untuk mengkaji bagaimana orang-orang Melayu diberi peluang menjawat jawatan-jawatan dalam pentadbiran Inggeris. Tanya terbahagi kepada lima bahagian atau bab. Penulisan ini dimulai dengan huraian tentang pendahuluan dan bidang kajian. Tanya diikuti dengan bab-bab seterusnya yang akan menerangkan bagaimana asas mula pengambilan bekerja orang-orang Melayu dan juga pendidikan boleh memberi peluang kepada masyarakat Melayu untuk masuk dalam Malayan Civil Service (MCS) juga akhirnya diberi peluang dalam Perkhidmatan Tadbir Melayu (MAS).

Dalam bab tiga pokok persoalan utama ialah langkah-langkah pengambilan bekerja orang-orang Melayu dalam tahun 1910an-1950an. Bab ini akan menerangkan bagaimana pada peringkat permulaannya orang-orang Melayu diambil bekerja dalam Jawatan Pentadbiran. Iaitu dari serendah-rendah pekerjaan kepada se-tinggi-tinggi pekerjaan (dari Malay Probationer) sehingga berjaya masuk dalam MCS.

Dalam bab empat pula apa yang akan saya cuba jelaskan ialah pencapaian anak-anak Melayu dalam jawatan-jawatan yang dipegang. Setakat mana kejayaan yang dapat dicapai oleh anak-anak Melayu. Dalam bab ini juga akan dijelaskan beberapa konflik atau masalah yang timbul dalam Pengambilan Bekerja

## Orang-Orang Melayu.

Bab lima, sebagai penutup saya akan membincangkan sedikit kesan atas kemunculan pentadbir-pentadbir Melayu pra 1956an. Akhirnya satu rumusan mengenai tisis ini akan dibuat.

### DAFTAR ISI

#### Daftar Isi

Asas serta Pengambilan Sokorja Orang-Orang Melayu	
Pentadbir Melayu Tradisional.....	2
Struktur dan Corak Pentadbiran .....	2

### DAFTAR ISI

Situasi Masyarakat Melayu antara period	
1950an dan corak pendidikan.....	4
Pendidikan.....	10
Bagaimana pendidikan memberi peluang	
pekerjaan kepada anak-anak Melayu.....	14
Ke arah Pengambilan Sokorja Orang-Orang Melayu, 16	
Jadual 1.....	22

KANDUNGAN

<u>BAB</u>	<u>HALAMAN</u>
JUDUL.....	i
PENGHARGAAN.....	iii
SINOPSIS .....	iv
KANDUNGAN .....	v
SENARAI KEPENDEKAN.....	vi
PENDAHULUAN.....	1
BIDANG KAJIAN.....	3
<u>BAB SATU:</u>	
Sejarah Pentadbiran Melayu:	
Asas mula Pengambilan Bekerja Orang-Orang Melayu:	
Pentadbir Melayu Tradisional.....	5
Struktur dan Corak Pentadbiran .....	5
<u>BAB DUA:</u>	
Situasi Masyarakat Melayu antara period	
1900an dan corak pendidikan.....	8
Pendidikan.....	10
Bagaimana pendidikan memberi peluang-peluang	
pekerjaan kepada anak-anak Melayu.....	14
Ke arah Pengambilan Bekerja Orang-Orang Melayu.	18
Jadual I.....	22

BAB TIGA:

Langkah-langkah Pengambilan Bekerja Orang-Orang Melayu 1910an-1950an.....	23
Perlantikan terus ke Malayan Civil Service.....	35

BAB EMPAT:

Pencapaian anak-anak Melayu dalam jawatan yang dipegang .....	38
Jadual Dua.....	49
Konflik/Masalah yang timbul dengan Pengambilan Bekerja Orang-Orang Melayu.....	50

BAB LIMA:

Penutup:	58
Kesan: Kemunculan Pentadbir Melayu pra 1950an	
Rumusan	59
BIBLIOGRAFI	60

KANDUNGAN

<u>BAB</u>	<u>HALAMAN</u>
JUDUL.....	i
PENGHARGAAN.....	iii
SINOPSIS .....	iv
KANDUNGAN .....	v
SENARAI KEPENDEKAN.....	vi
PENDAHULUAN.....	1
BIDANG KAJIAN.....	3
<u>BAB SATU:</u>	
Sejarah Pentadbiran Melayu:	
Asas mula Pengambilan Bekerja Orang-Orang Melayu:	
Pentadbir Melayu Tradisional.....	5
Struktur dan Corak Pentadbiran .....	5
<u>BAB DUA:</u>	
Situasi Masyarakat Melayu antara period	
1900an dan corak pendidikan.....	8
Pendidikan.....	10
Bagaimana pendidikan memberi peluang-peluang	
pekerjaan kepada anak-anak Melayu.....	14
Ke arah Pengambilan Bekerja Orang-Orang Melayu.	18
Jadual I.....	22

BAB TIGA:

Langkah-langkah Pengambilan Bekerja Orang-Orang Melayu 1910an-1950an.....	23
Perlantikan terus ke Malayan Civil Service.....	35

BAB EMPAT:

Pencapaian anak-anak Melayu dalam jawatan yang dipegang .....	38
Jadual Dua.....	49
Konflik/Masalah yang timbul dengan Pengambilan Bekerja Orang-Orang Melayu.....	50

BAB LIMA:

Penutup:	58
Kesan: Kemunculan Pentadbir Melayu pra 1950an	
Rumusan	59
BIBLIOGRAFI	60



Senarai Kependekan

- SITC - Sultan Idris Training College
- MCKK - Malay College Kuala Kangsar
- MAS - Malay Administrative Service
- MCS - Malayan Civil Service
- PTD - Pegawai Tadbir dan Diplomatik

Peringkat ini dipilih untuk meneliti undang-undang per-  
kerajaan orang-orang Melayu yang hadir berdasarkan kerjasama  
dengan lembaga-lembaga pusat-pusat pendidikan tinggi (two-institution  
system) seperti Malay College Kuala Kangsar dan Institut  
Pengurusan Sultan Idris, juga institusi-institusi pendidikan  
rendah yang lain yang tidak mempunyai peranan yang  
penting dan berkaitan dengan anak-anak Melayu ke arah  
berkerajaan sendiri.

The Sultan Idris Training College at  
Tanjung Malim is the distributing  
centre of knowledge in the peninsula  
for those Malay whose education is  
confined to the vernacular.

<sup>1</sup>Annual Report of the Education Dept., 1971, also published in  
1971, no. 12, untuk keterangan lanjut sila lihat *Malay Education in  
Malaya*, no. 12-131.

## PENDAHULUAN

Kajian ini berkisar pada tahun 1900an hingga 1950an memandangkan kepada pada tahun inilah bermulanya ura-ura untuk kearah berkerajaan sendiri. Apa yang dimaksudkan di-sini Kerajaan Inggeris secara sedikit demi sedikit cuba menyerahkan jentera pentadbiran kepada rakyat tempatan dengan dibantu dan diperhatikan oleh pegawai-pegawai Inggeris sendiri. Perkara ini amatlah penting untuk mengetahui setakat mana orang-orang Melayu berkebolehan menjalankan pentadbiran tanpa bantuan dan tunjuk ajar yang sepenuhnya daripada orang asing.

Period ini dipilih untuk mengkaji peluang-peluang pekerjaan orang-orang Melayu yang begitu berkemuncak bersaing dengan terdirinya pusat-pusat pembelajaran (institusi-institusi pengajian) seperti Malay College Kuala Kangsar dan Maktab Perguruan Sultan Idris, juga institusi-institusi pengajian rendah yang lain yang tidak kurang memainkan peranan yang penting dan menaikkan semangat anak-anak Melayu ke arah berkerajaan sendiri.

The Sultan Idris Training College at Tanjung Malim is the distributing centre of knowledge in the peninsula for those Malay whose education is confined to the vernacular.

---

<sup>1</sup>Annual Report of the Education Dept. 1931, oleh F.J.Mortem, KL, 1931, ms.12. untuk keterangan lanjut sila lihat Reff, Nasionalisma Melayu, ms. 130-131.

Kedua-dua institusi ini memainkan peranan penting dalam mewujudkan kelas pentadbir Melayu sehingga sekarang ini. Malay College Kuala Kangsar (MCKK) yang dibuka dalam tahun 1905 bertugas mendidik anak-anak kelas pemerintah yang tradisional dan orang-orang kaya. Ini adalah bagi membolehkan dan melahirkan mereka yang boleh mengikuti kuliah bahasa Inggeris dan bertutur bahasa Inggeris dalam jabatan-jabatan pentadbiran dan pemerentahan dan kadang-kadang jurusan kemahiran. Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim (SITC) pula bertugas mendidik anak-anak tani dan orang-orang miskin bagi membolehkan mengikuti kuliah bahasa Melayu dalam alam perguruan di sekolah-sekolah di desa-desa.<sup>2</sup>

Kedua-duanya mempunyai bentuk organisasi dan semangat perpaduan yang sama. Kedua-duanya memberikan pelajaran peringkat menengah dan mengambil pelajar-pelajar dari segenap pelosok semenanjung dan meletakkan mereka di bawah asuhan yang serupa dan menimbulkan perpaduan. Dari kedua-dua institusi inilah munculnya golongan pentadbir yang diharap-harapkan oleh pihak Inggeris bagi mengganti dan menjalankan pentadbiran yang sudah

---

<sup>2</sup>William R. Roff, Nasionalisma Melayu, Penerbitan Universiti Malaya, KL, 1975. ms. 182)

tiba pada masanya diambil oleh orang-orang Melayu.

Kekecewaan dan kegelisahan orang-orang Melayu untuk mendapat tempat dalam pentadbiran akhirnya berjaya juga dicapai dengan pengambilan beberapa orang pada peringkat permulaannya dalam pentadbiran. Mereka ini kebanyakannya lepasan dari MCKK dan SITC yang seolah-olah menjadi kilang bagi memproses buruh mahir untuk diserapkan dalam jawatan pentadbiran yang pada masa itu di bawah Inggeris. Ini akhirnya berjaya menambahkan bilangan orang-orang Melayu dalam Civil Service British.

With the founding of the Malay College, the British finally met in a positive fashion their obligations to the sons of the traditional Malay elite under the policy of "conciliation". The Malay elite saw this clearly and were openly enthusiastic in their patronage of the college.<sup>3</sup>

BIDANG KAJIAN:

Kajian ini sebenarnya cuba membincangkan bagaimana

---

<sup>3</sup> Rex Stevenson, Cultivators and Administrators, British Educational Policy towards the Malays - 1875 -1900, K.L. , Oxford Universiti Press, London, 1975, m.s.189.

pada peringkat permulaannya orang-orang Melayu diberi peluang untuk menjawat-jawatan dengan kerajaan pada masa itu di bawah pentadbiran Inggeris, Masyarakat Melayu pada peringkat permulaannya diterima bekerja sebagai pegawai rendah seperti pion, kerani, atau lebih dikenali sekarang ini sebagai pegawai kategori "C" dan "D". Aajian ini akan memfokuskan peluang Pengambilan Bekerja Orang-Orang Melayu itu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (FMS) .

Di peringkat permulaannya saya akan membincangkan bagaimana pendidikan memberi peluang kepada anak-anak Melayu untuk ke arah berkerajaan sendiri. Bagaimana dan setakat mana pencapaian anak-anak Melayu dalam jawatan-jawatan yang telah diberikan kepada mereka? Adakah berlaku berat sebelah antara anak tempatan dengan pegawai-pegawai Inggeris sendiri? Apakah persoalan yang berlaku antara golongan kelas atasan dan golongan bawahan sendiri? Apakah langkah-langkah yang diambil dalam proses pengambilan anak-anak Melayu? Adakah berlaku konflik dalam melaksanakan dasar tersebut? Apakah sikap British terhadap pengambilan anak-anak Melayu? Bagaimanakah pencapaian yang diperolehi atau berjaya diperingkat mana? Semua persoalan ini akan saya bincangkan dalam bab-bab yang seterusnya. Sebagai kesimpulan satu rumusan akan saya buat tentang kajian ini.